

## HUKUM KERJAYA JURUGAMBAR PERKAHWINAN

Muhammad Afiq, N. A.<sup>1</sup>, Mohamad Rizal, M. N.<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), Kuala Kangsar, Perak, Malaysia.  
E-mel: afiqdegree.00@gmail.com

DOI: <https://doi.org/10.51200/kitab.v1i.5199>

### ABSTRAK

Kerjaya jurugambar perkahwinan merupakan satu profesi yang dianggap penting oleh masyarakat kini bagi merakam detik kenangan indah sewaktu menjadi raja sehari. Akan tetapi, berdasarkan realiti yang berlaku pada hari ini, terdapat ramai jurugambar yang mengabaikan soal halal dan haram dalam menjana pendapatan yang berkat demi menyara kehidupan. Kajian ini dijalankan bertujuan membincangkan isu dan permasalahan yang wujud dalam kerjaya sebagai jurugambar perkahwinan. Kajian ini menggunakan metode kualitatif dengan membuat kajian kepustakaan. Pengkaji juga menemu bual beberapa pakar dalam bidang agama untuk mendapatkan jawapan terhadap isu yang dikaji. Hasil kajian mendapati bahawa harus hukumnya menerima upah sebagai jurugambar perkahwinan. Namun, keharusan tersebut boleh berubah kepada syubhah sekiranya bercampur dengan perkara yang haram seperti terdapat subjek yang mendedahkan aurat, gaya yang terlarang dan sebagainya. Kesimpulannya, pengkaji berharap bahawa kajian ini dapat memberi penjelasan kepada masyarakat serta jurugambar khususnya dalam menerapkan soal keberkatan dalam rezeki yang diperoleh.

**Kata Kunci:** Fotografi, jurugambar, kerjaya, upah, perkahwinan

### ABSTRACT

The career of wedding photography is considered significant by society today in capturing beautiful moments during one's special day as the bride and groom. However, based on current realities, many photographers neglect the issues of halal (permissible) and haram (forbidden) in their pursuit of income to sustain their livelihoods. This study aims to discuss the issues and challenges existing in the profession of wedding photography. Employing a qualitative method through a literature review, the study also includes interviews with several religious experts to address the issues under scrutiny. The research findings indicate that it is generally permissible to earn a livelihood as a wedding photographer. However, this permissibility can become doubtful (syubhah) if it involves activities mixed with forbidden matters such as exposure of 'awrah (intimate parts), prohibited styles, and the like. In conclusion, the researcher hopes that this study provides clarification to the public and photographers, specifically in adhering to the concept of blessing in the income they earn.

**Keywords:** Photography, photographer, career, income, wedding

## PENGENALAN

Bidang fotografi mula diperkenalkan istilahnya oleh Sir John Herschel. Fotografi merupakan satu medium yang digunakan untuk menghasilkan karya seni yang mempunyai unsur kreatif dan tersendiri (Sabki Md Noh & M. Shariful, 2017). Kerjaya sebagai jurugambar melibatkan bidang yang pelbagai antaranya sukan, hidupan liar, perkahwinan dan jurnalis. Jurugambar bermaksud seseorang yang kerjanya adalah dengan mengambil gambar (Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat, 2017). Jurugambar mengambil upah dengan hasil pemotretan yang dilakukan dengan menggunakan teori seni komposisi yang pelbagai untuk mendapatkan hasil imej yang cantik. Dalam kajian ini, skop bidang jurugambar lebih tertumpu kepada perkahwinan. Kerjaya jurugambar perkahwinan merupakan satu profesi yang dianggap penting dalam masyarakat kini bagi merakam detik indah sewaktu menjadi raja sehari. Namun, terdapat sebahagian jurugambar yang mengabaikan konsep halal dan haram dalam menjana pendapatan sebagai jurugambar perkahwinan. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk membincangkan isu dan permasalahan yang wujud dalam kerjaya sebagai jurugambar perkahwinan.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan metode kualitatif. Kajian kualitatif ini lebih bertumpu kepada kajian kepustakaan yang melibatkan pembacaan pengkaji kepada beberapa bahan bacaan seperti buku, artikel, majalah dan sebagainya. Menurut Nana (2005) kualitatif adalah suatu penyelidikan terhadap suatu kesatuan sistem baik dalam bentuk suatu kejadian yang terikat dengan tempat, waktu dan sebagainya.

Pengkaji juga menganalisis dokumen-dokumen lepas untuk mendapatkan permasalahan yang berlaku. Selain itu, berdasarkan pemerhatian pengkaji juga teradapat banyak jurugambar perkahwinan yang mengabaikan soal keberkatan dalam pencarian rezeki mereka.

Selain itu, pengkaji juga melakukan temu bual separa berstruktur. Temu bual separa berstruktur merupakan kaedah temu bual yang dilakukan dengan pewawancara mengemukakan soalan dengan tidak mengikut susunan soalan secara formal seperti yang disediakan serta menyelitkan soalan-soalan secara terbuka. Pengkaji menemu bual tiga orang pakar dalam bidang agama untuk mendapatkan pandangan dalam isu yang dikaji.

Kajian ini menggunakan kaedah analisis deskriptif untuk mengkaji data-data yang diperoleh daripada hasil pemerhatian. Selain itu, kaedah analisis tekstual juga digunakan untuk menganalisis dokumen-dokumen lepas dalam proses kajian yang dilakukan pengkaji.

## HUKUM AL-TASWIR DAN FOTOGRAFI

Gambar atau lukisan termasuk dalam permasalahan *al-taswir* yang dibincangkan oleh para ulama. *Al-taswir* mempunyai pelbagai maksud antaranya segala jenis lukisan, patung dan ukiran. Menurut Al-Zuhaili (2011), gambar yang dilarang adalah gambar makhluk yang bernyawa seperti manusia dan haiwan yang bertujuan untuk disembah atau diagungkan serta menandingi ciptaan Allah. Antara hikmah larangan tersebut adalah supaya dapat mengelakkan daripada perbuatan yang menyerupai penyembahan berhala atau perkara-perkara syirik. Terdapat beberapa hadis yang melarang pembuatan patung atau gambar antaranya yang diriwayatkan oleh Ibn Abbas bahawa Rasulullah SAW bersabda:

وَمِنْ صُورَةِ عَذْبٍ وَكُلْفٍ أَنْ يَنْفُخَ فِيهَا وَلَيْسَ بِنَافِخٍ

Maksudnya: "Sesiapa yang menggambar (makhluk bernyawa) di dunia, maka orang itu akan dituntut untuk meniupkan roh kepada gambar tersebut pada hari kiamat, sedangkan dia tidak kuasa untuk meniupkannya." (H.R. Bukhari: 6520)

Hadis ini jelas melarang pembuatan patung dan gambar kerana ia merupakan permulaan kepada penyembahan berhala yang berlaku pada zaman dahulu. Menurut Muhammad as-Sayyid Sabiq (2009), dibolehkan untuk menggambar sesuatu yang tidak bernyawa seperti pohon dan bunga. Oleh itu, dapat difahami bahawa bukan semua perkara mengambil gambar itu adalah haram. Sekiranya terdapat perkara kebaikan atau tidak ada padanya unsur-unsur yang haram maka ia diperbolehkan

Fotografi juga merupakan antara jalan kebaikan iaitu melalui gambar yang dihasilkan. Elemen-elemen positif dalam gambar yang dihasilkan dapat menunjukkan penceritaan yang berlaku serta kebaikan kepada orang ramai. Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abu Mas'ud Uqbah bin Amru al-Ansari al-Badri, Rasulullah SAW bersabda:

من دل على خير فله مثل أجر فاعله

Maksudnya: "Sesiapa yang menunjukkan kepada jalan kebaikan, Maka baginya pahala seperti orang yang melakukan kebaikan itu." (H.R. Ahmad: 21307)

Seperti yang dinyatakan tadi, jurugambar merupakan antara ejen kebaikan kerana gambar-gambar yang dihasilkan boleh membawa kepada wujudnya keinsafan dalam diri, kesedaran dalam masyarakat, menunjukkan kesengsaraan yang sedang berlaku dan mendedahkan kebenaran. Dalam pada itu, ia dapat membuka mata manusia dalam mengenal erti kehidupan sebenar di dunia ini dan secara tidak langsung saling bantu membantu antara satu sama lain. Hal ini dapat dilihat dengan penindasan yang berlaku di Palestin, jurugambar yang bertugas di sana memaparkan pelbagai bentuk penindasan yang berlaku dan disebarluaskan kepada dunia agar dapat menunjukkan kebenaran bahawa rakyat di Palestin sedang ditindas oleh zionis.

## ISU-ISU JURUGAMBAR PERKAHWINAN

Dalam setiap pekerjaan kontemporari umumnya, sudah pasti terdapat pelbagai isu yang menjadi tanda tanya daripada sudut hukum hakam dan pandangannya menurut Islam. Oleh itu, kajian ini membincangkan secara ringkas isu-isu yang berkaitan hukum syarak dalam kerjaya sebagai jurugambar perkahwinan berdasarkan temu bual yang telah dijalankan.

### i. Upah Jurugambar yang Melibatkan Unsur Pendedahan Aurat

Upah merupakan suatu perkara yang utama dalam apa juar pekerjaan. Maka, seorang yang bekerja untuk memperoleh upah perlu menitikberatkan sumber pendapatan yang diperolehnya. Secara umumnya, upah jurugambar itu adalah harus. Akan tetapi ia terkait dengan subjek yang diambil gambarnya. Sekiranya sesuatu subjek yang diambil itu adalah percampuran antara perkara yang halal serta perkara yang haram menurut Islam, seperti terdapat pendedahan aurat, maka ia terdapat unsur syubhah.

Berkaitan dengan jurugambar mengedit gambar yang mungkin terselak aurat pada gambar itu, ia diperbolehkan dan merupakan sesuatu perkara yang baik kerana menutup aib dan celaan. Kadang apabila seseorang itu bergerak akan mudah untuk terlihat auratnya secara tidak sedar, lebih-lebih lagi ketika jurugambar mengambil gambar dari *angle* yang pelbagai. Pengkaji cenderung

kepada pendapat yang membenarkan mengedit gambar tersebut untuk menutup aib atau celaan yang ada pada gambar sekiranya gambar tersebut memang terbuka atau terlihat aurat secara tidak sengaja. Adapun sekiranya pengantin tersebut jelas keadaannya tidak menutup aurat serta gambar itu ditangkap secara sengaja oleh jurugambar, kemudiannya diederit untuk kelihatan menutup aurat maka itu tidak dibenarkan kerana bersubahat dalam perkara keburukan. Ia juga dapat dikaitkan dengan kaedah fiqh iaitu *ma adda ila haram fahua haram* sesuatu yang membawa kepada haram maka ia haram. Perbuatan tidak menutup aurat itu jelas merupakan kemungkaran. Jurugambar yang bersubahat dengan perkara itu, upahnya adalah haram serta perbuatan tersebut ditegah oleh syarak.

Namun, untuk mengedit sesuatu yang diluar daripada kebiasaan tugas jurugambar seperti menutup aurat yang terdedah secara tidak sengaja, ia memerlukan kebenaran daripada empunya iaitu pihak pengantin. Sekiranya, pelanggan tidak membenarkan, maka upah yang diperolehi dikira sebagai syubhah kerana terdapat pendedahan aurat yang berlaku. Adapun berkaitan gambar yang diperlihatkan aurat tersebut untuk dijadikan sebagai koleksi peribadi, ia adalah haram, melainkan jurugambar tersebut merupakan mahram bagi pengantin khususnya mahram bagi pengantin perempuan (Zaharuddin, 2012). Tambahan lagi, gambar yang tidak ditutup aurat secara sempurna itu tidak boleh untuk dipaparkan kepada umum.

## ii. Upah Jurugambar yang Melibatkan Unsur *Ikhtilat*

Kebiasaannya, unsur *ikhtilat* atau percampuran di antara lelaki dan perempuan ini berlaku pada sesi bergambar pra-perkahwinan (*pre-wedding*). Hukum asal bagi sesi *pre-wedding* ini adalah harus selagimana tidak ada perkara-perkara yang menyalahi syarak seperti pakaian yang menutup aurat dengan sempurna serta tiada unsur sentuhan antara yang berlaku satu sama lain kerana masih belum bergelar sebagai suami isteri yang sah. Tambahan lagi, menurut Zaharuddin (2012), ia mestilah disertai dengan gaya yang tidak mempunyai unsur yang yang boleh menghairahkan seperti berpeluk, bercium, berpegangan tangan, berpelukan dan lain-lain. Sekiranya berlaku percanggahan daripada apa yang dinyatakan seperti di atas maka ia jelas haram sama sekali. Adapun bagi pasangan suami isteri, maka ia tidaklah termasuk dalam perkara *ikhtilat* kerana telah berlakunya akad nikah yang sah. Akan tetapi ia masih di bawah prinsip gaya dan adegan yang dibenarkan oleh Islam.

Sesi bergambar pra-perkahwinan (*pre-wedding*) adalah dibenarkan dengan menjaga batas-batas tertentu. Antaranya menjaga jarak sesama bakal pasangan, tidak bersentuhan serta tidak menimbulkan fitnah seperti mengambil gambar secara beramai-ramai. Hukum ini juga terpakai dalam majlis pertunangan. Hal ini kerana kedua-dua bakal pasangan itu belum menjadi suami isteri yang sah. Adapun bagi pasangan yang telah berkahwin untuk melakukan *pre-wedding*, maka hukumnya sama seperti hukum suami isteri yang dijelaskan sebelum ini.

Selain itu, unsur *ikhtilat* juga mungkin berlaku dalam kalangan tetamu yang hadir seperti percampuran tempat makan bagi lelaki dan perempuan. Tetamu yang menghadiri majlis sudah semestinya akan datang bersama keluarga atau kawan-kawan. Ketiadaan tempat duduk atau keadaan tempat duduk yang terhad boleh mengakibatkan percampuran jantina antara lelaki dan perempuan itu berlaku. Oleh itu, jurugambar yang bertugas adalah dibolehkan untuk menangkap gambar tetamu yang bercampur tempat duduk di antara lelaki dan perempuan. Hal ini kerana tempat duduk yang disediakan kebiasaannya bukan tempat duduk berasingan lelaki dan perempuan. Selain itu, perkara tersebut juga bukanlah suatu perkara yang boleh dikawal oleh jurugambar akan tetapi oleh pengelola majlis itu sendiri. Tidak menjadi masalah juga sekiranya di satu bulatan meja itu terdapat

percampuran lelaki dan perempuan. Misalnya sepasang suami isteri yang duduk bersama dengan pasangan yang lain pada satu meja yang sama. Tambahan pula, kebiasaannya gambar yang diambil di ruang meja makan merupakan gambar suasana atau keadaan kehadiran tetamu yang memenuhi undangan.

### **iii. Gaya yang Dibenarkan dan Tidak Dibenarkan dalam Islam**

Kerjaya jurugambar bukan hanya sekadar mengambil gambar akan tetapi menjadi pengarah dalam menggayakan untuk mendapatkan komposisi dan gambar yang lebih menarik. Namun, perkara ini perlu dititikberatkan kerana majoriti gaya atau adegan yang diambil seolah-olah meniru gaya orang barat. Oleh itu, jurugambar itu sendiri perlu mengawal subjek di dalam gambar yang diambilnya dengan mencadangkan gaya-gaya yang sesuai dan terkawal untuk dirakam.

Kebiasaannya, pada sesi *outdoor* pengantin akan keluar untuk melakukan penggambaran bersama. Pada sesi inilah, jurugambar kebiasaannya akan menggunakan gaya-gaya atau adegan yang romantis untuk dijadikan kenangan dan koleksi pengantin baik secara peribadi atau secara umum. Sekiranya jurugambar itu merupakan mahram kepada pengantin baik sama ada pengantin perempuan atau pengantin lelaki, ia tidak menjadi masalah jika gaya atau adegan yang dilakukan itu agak romantis seperti mendukung, memeluk dan sebagainya. Namun, ia hanya untuk koleksi peribadi dan tidak boleh dipertontonkan kepada bukan mahram. Hukum ini berdasarkan satu kaedah fiqh iaitu *ma adda ila haram fahua haram* yang bermaksud sesuatu yang membawa kepada haram maka ia haram. Pandangan ini juga selaras dengan Zaharuddin (2012), bahawa haram bagi jurugambar yang bukan mahram mengambil gambar intim lagi mesra pasangan pengantin dan memberi kesan dari sudut upah yang diperoleh. Dan harus hukumnya apabila jurugambar mengambil gambar pengantin selepas akad yang sah tetapi bersyarat iaitu perlulah pengantin tersebut menutup aurat dengan sempurna serta tidak ada adegan atau gaya kebiasaan yang boleh menimbulkan syahwat.

Islam mengajar berkaitan dengan kewajiban mematuhi syarak dan kepentingan malu. Perkara yang utama perlu diterapkan oleh jurugambar adalah prinsip Islam. Ia perlu menjaga gaya tersebut daripada aspek yang mempunyai unsur-unsur lucah. Selain itu, dengan menutup pintu fitnah yang mungkin berlaku. Sebagai contoh, bagi pasangan yang baru bertunang, masih perlu menjaga batas-batas seperti tidak berdua-duaan dan bersentuhan kerana menutup pintu fitnah itu wajib. Tambahan lagi, perlu menjaga dan tidak terikut-ikut dengan budaya-budaya luar yang jauh daripada prinsip Islam. Terdapat tiga perkara utama dalam aspek gaya yang dibenarkan Islam iaitu tidak terdapat unsur lucah, dapat menutup ruang fitnah dan dapat membezakan orang Islam dan orang bukan Islam.

Oleh sebab itu, sebarang perkara atau aksi yang tidak menghairahkan itu diharuskan meskipun jurugambarnya bukan daripada mahram pengantin lelaki atau perempuan. Sekiranya aksi yang agak intim tetapi masih terbatas, maka ia memerlukan kepada mahram terutama mahram pengantin perempuan yang mengambil gambar serta ia tidak berlaku di hadapan atau tempat khalayak ramai. Adapun perkara yang diharuskan itu, tidak menjadi masalah baik di dalam (majlis pernikahan) atau luar perkahwinan (selepas berkahwin). Sebagai contoh seorang suami mendukung isterinya di pantai kemudian anak-anaknya menangkap gambar, maka ia diperbolehkan. Jadi apa bezanya dengan mereka yang dalam majlis perkahwinan. Akan tetapi perlu menjaga dari sudut aurat dan sebagainya. Secara mudah faham, apa yang tidak diperbolehkan di luar perkahwinan (luar majlis), maka di dalam perkahwinan (dalam majlis) juga tidak boleh misalnya seperti bercium mulut.

Selain itu, perlu juga diperhalusi adakah gaya-gaya tersebut mengikut adat ataupun meniru agama lain. Sekiranya ia menggambarkan kebudayaan agama lain

baik dari sudut aksi, perlakuan atau pakaian maka ia tak tidak dibenarkan. Misalnya seperti perbuatan merenjis-renjis dalam kebiasaan majlis bersanding, perbuatan itu merupakan adat dalam agama Hindu. Adapun kesan dari sudut upahnya adalah halal kerana diupah untuk mengambil gambar. Akan tetapi, sebaiknya perkara-perkara tersebut perlu dijauhkan.

#### **iv. Mengambil Upah daripada Pelanggan Bukan Islam**

Pada dasarnya, upah yang diperolehi daripada pelanggan bukan Islam juga adalah harus. Hal ini kerana jurugambar diupah untuk mengambil gambar dan bukannya melibatkan diri atau mengamalkan upacara tersebut. Ia sama seperti hukum menerima undangan atau jemputan orang bukan Islam. Pada asalnya, ia dibenarkan kerana tugas dan upah sebagai jurugambar. Namun, ada beberapa perkara yang perlu diberi perhatian antaranya hukum melihat aurat wanita yang bukan Islam.

Hukum melihat aurat bukan Islam adalah sama seperti melihat aurat orang Islam. Ia ditegah dalam Islam. Sekiranya majlis yang dilakukan itu diluar daripada rumah ibadat agama seperti taman atau dewan, maka ia dibolehkan. Ia memberi kesan kepada upah yang diperoleh iaitu syubhah walaupun pada asalnya adalah halal. Hal ini kerana terkait dengan tujuan gambar itu diambil. Sekiranya yang diambil adalah suasana keadaan majlis, maka ia harus. Selain itu, tidak boleh terlibat atau turut serta dalam upacara keagamaan yang dijalankan serta perlu menjaga adab-adab tertentu. Ia juga dapat dikaitkan dengan hukum seseorang individu muslim itu menerima jemputan dan undangan daripada kenalan yang bukan Islam seperti keluarga, rakan sepejabat, jiran dan lain-lain.

Kesimpulannya, hukum asal mengambil upah penggambaran daripada pelanggan bukan Islam adalah harus. Namun, hukumnya boleh berubah bergantung kepada tujuan gambar itu diambil. Sekiranya gambar yang diambil itu khusus kepada subjek yang mendedahkan aurat maka ia tidak dibolehkan. Oleh itu, sebaiknya dielakkan untuk mengambil pelanggan bukan Islam untuk menjaga keberkatan rezeki yang diperoleh. Hal ini kerana meninggalkan yang syubhah itu lebih utama. Menurut kaedah fiqh *da' ma yaribuka ila ma la yaribuka* yang membawa maksud tinggalkan sesuatu yang ragu-ragu kepada sesuatu yang tidak meragukan.

#### **v. Kepentingan Jurugambar Wanita**

Kini, dunia fotografi bukan sahaja diceburi oleh golongan lelaki, bahkan mendapat perhatian ramai dalam kalangan wanita. Terdapat juga di antara jurugambar wanita yang melakukan fotografi sebagai kerjaya sepenuh masa atau separuh masa dengan membantu golongan wanita menjaga syariat dalam kerjaya sebagai jurugambar perkahwinan (Azhar Idrus & Imran Burhanuddin, 2016). Hal ini kerana permasalahan yang berlaku pada pengantin perempuan kerana sesetengah butik yang menyediakan pakej andaman, pakaian, pelamin dan fotografi melibatkan jurugambar lelaki. Ia mendorong kesukaran kepada pihak pengantin perempuan misalnya, jika jurugambar untuk menangkap gambar ketika sedang disolek yang menjadi larangan bagi ajnabi.

Dengan pengaplikasian kaedah fiqh *al-masyaqqaqah tajlibu al-taisir* iaitu kesukaran membawa kepada kemudahan, golongan wanita yang berkemahiran dalam bidang fotografi sangat digalakkan untuk mengisi kekosongan sebagai jurugambar wanita. Hal ini merupakan alternatif untuk mengelakkan fitnah daripada berlaku. Hukum asal bagi seorang wanita bergiat dalam kerjaya jurugambar khususnya jurugambar perkahwinan adalah harus dan dibolehkan. Fotografi juga bukanlah suatu bidang yang khusus kepada jantina lelaki bahkan ia terbuka kepada perempuan seligimana dapat menjaga batas-batas syariat. Bahkan,

dalam situasi tertentu, kewujudan jurugambar wanita juga dapat memberi keselesaan kepada pengantin wanita yang berpurdah, pemalu dan sebagainya.

## KESIMPULAN

Secara tuntasnya, kerjaya sebagai jurugambar perkahwinan itu adalah harus dan dibolehkan untuk mengambil upah daripadanya. Namun, hukum tersebut boleh bertukar kepada syubhah atau haram bergantung kepada niat dan tujuan gambar itu diambil serta keadaan yang melatari proses mengambil gambar tersebut. Oleh itu, jurugambar perkahwinan perlu tahu dan beramal dengan panduan syarak dalam melaksanakan tugas sebagai jurugambar perkahwinan demi memperoleh pendapatan yang halal dan diberkati.

## RUJUKAN

- A. Hassan. (2005). *Bulughul Maram*. Bandung: Cv, Diponegoro. Hlm. 342.
- Al-Dusuqi, Muhammad. (2011). *Al-Ahwal al-Syakhsiyah fi al-Mazhab al-Syafi'i*. Qaherah: Dar al-Salam.
- Al-Jazairi, Abd al-Rahman. (2011). *Fiqh 4 Mazhab (Juz 1, 2 & 3)*. Penterjemah: H.M. Yusuf Sinaga, H.M. Abdurrahman Saleh Siregar & H. Muhammad Zuhirsyan. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Al-Zuhaili, Wahbah. (2011). *Fiqih Islam Wa Adillatuhu Jil. 4*. Penterjemah: Abdul Hayyieal-Kattani. Jakarta: Gema Isani.
- Azhar Idrus & Imran Burhanuddin. (2016). *Fotografi Gaya Mukmin*. PTS Publishing House.
- Grolier. (1993). *The New Grolier Multimedia Encyclopedia*. Grolier Incorporated.
- Ita Ardiyani. (2019). *Tinjauan Hukum Islam Terhadap Jasa Fotografer Wisuda Di Kampus IAIN Ponorogo*. Institut Agama Islam Negeri Ponorogo.
- Muhammad as-Sayid Sabiq. (2009). *Fiqh as-Sunnah Jil. 6*. Penterjemah: Nor Hasanuddin & Aisyah Saipuddin. Wilayah Persekutuan: Al-Hidayah Publication.
- Nurzaimawani Hussin. (2019). Persepsi Pelajar Politeknik Port Dickson Terhadap Kursus Fotografi (MPU24021/DRK3052). *Journal on Technical and Vocational Education (JTVE)*, 4, (3), 170-176.
- Sabki Md Noh & M. Shariful. (2017). *Panduan Asas Fotografi*. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Surisman Marah, Diktat Kuliah. (1985). *Mengenal Kamera Fotografi*. Fakultas Seni Rupa dan Disain: ISI Yogyakarta.
- Zaharuddin Abd Rahman. (2012). *Gambar, Pra-Kahwin dan Selepas Kahwin*. Diakses di <http://www.zaharuddin.net/senarai-lengkap-artikel/3/1011-gambar-pra-kahwin-dan-selepas-kahwin.html>

## Lampiran

### A: Temu bual:

#### Informan 1

Temu bual bersama YBhg. Prof. Madya Dr. Haji Miszairi bin Haji Sitiris selaku S.S Timbalan Mufti Selangor dan Ketua Pegawai Digital.

Tarikh	15 Jun 2023
Tempat	Pejabat Mufti Selangor, Shah Alam
Masa	9:45am – 10:30am

#### Informan 2

Temu bual bersama Ustazah Sharifah Nurulhuda Binti S Ab. Latif selaku Pensyarah di Jabatan Syariah Fakulti Pengajian Islam USAS.

Tarikh	31 Mei 2023
Tempat	Bilik Pensyarah
Masa	10:40am – 11:05am

#### Informan 3

Temu bual bersama Ustazah Junainah Hanim Binti Mohamed Nor selaku Pensyarah di Jabatan Syariah Fakulti Pengajian Islam USAS.

Tarikh	22 Mei 2023
Tempat	Bilik Pensyarah
Masa	13:05pm – 13:25pm